

# Udang import jejas pengusaha

BH 9/7/2023 ms: 16

## Harga jatuh akibat bekalan berlebihan rugikan syarikat

Oleh Omar Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Pasir Gudang:** Pengusaha udang di seluruh negara mengeluh kerana harga jualan turun lebih 40 peratus sejak dua bulan lalu berikutan peningkatan kemasukan udang import.

Pengerusi Persatuan Industri Udang Malaysia, Syed Omar Syed Jafaar, berkata lebih 3,000 syarikat pengusaha udang termasuk di Sabah dan Sarawak terpaksa menanggung kerugian apabila harga jualan udang kurang daripada kos operasi.

Katanya, masalah itu disebab-

kan kemasukan ketara udang import khususnya dari Thailand dan Indonesia yang menjadikan bekalan melebihi permintaan.

"Sebelum ini harga sekilogram udang RM26, tetapi kini jatuh hingga RM15 sekilogram, sedangkan kos operasi secara kasar bagi satu kilogram udang ialah RM17.

"Di Malaysia terdapat 12,500 hektar kawasan penternakan udang dengan penggunaan teknologi canggih, malah pengeluaran udang juga mencecah 48,000 tan setahun yang mampu menampung permintaan 38,000 tan setahun.

### Masalah keselamatan biosekuriti

"Sebelum 2000 kita tiada masalah ini, malah kita menjadi pengeksport udang hampir 50 peratus ke kilang di Thailand.

"Tetapi sejak 2000 melalui penguatkuasaan biosekuriti, pelbagai



Syed Omar Syed Jafaar (dua dari kiri duduk) bersama sebahagian penternak udang.

(Foto Omar Ahmad/BH)

prosedur dilalui termasuk lori yang membawa udang ditahan sehingga 24 jam yang menjejaskan kualiti kesegaran udang, selepas itu kita tidak lagi mengeksport udang ke Thailand," katanya di sini, semalam.

Syed Omar berkata, pihaknya

berharap kerajaan dapat membantu memperkasa industri akuakultur udang dengan mengetatkan sistem biosekuriti pengimport udang.

Katanya, udang import yang masuk dari Thailand dan Indonesia tidak melalui biosekuriti ketat

sebagaimana dilalui syarikat pengusaha tempatan.

"Udang dari Thailand dan Indonesia yang masuk ke negara ini diisytihar produk makanan laut menyebabkan ia tidak melalui sistem biosekuriti yang ketat," katanya.